

03/05/1997

Pemuda, Wanita dikerah siap sedia

KUALA LUMPUR, Jumaat - Barisan Nasional (BN) mengarahkan Pergerakan Pemuda dan Wanitanya menyelaraskan persiapan bagi menghadapi enam pilihan raya kecil di seluruh negara.

Setiausaha Agungnya, Datuk Mohamed Rahmat, berkata langkah itu bertujuan mengukuhkan persiapan BN di samping memastikan kemenangan semua calon BN yang akan bertanding.

Pilihan raya kecil berkenaan ialah Parlimen Teluk Intan pada 17 Mei; Dewan Undangan Negeri (DUN) Kemena (24 dan 25 Mei); DUN Repah (tarikh akan ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya); Parlimen dan DUN Kuala Selangor (tarikh akan ditentukan oleh SPR) dan Parlimen Kota Melaka (tertakluk kepada keputusan Mahkamah Rayuan).

"BN berharap jentera Pemuda dan Wanita dapat dikerahkan untuk menghadapi pilihan raya kecil ini, termasuk gerakan mendaftarkan pengundi muda," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Ketua Pemuda dan Wanita BN di sini, hari ini.

Selain itu, mengenai kegiatan Pemuda dan Wanita BN tahun ini, Mohamed berkata, BN menerima undangan Parti Komunis China untuk menghantar rombongan melawat negara itu.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN bersetuju supaya Pemuda dan Wanita BN menyertainya.

"Kita bersetuju rombongan ini disertai 20 wakil Pemuda dan Wanita yang dijadualkan pada 10 hingga 17 Mei ini," katanya.

Mohamed juga berkata, Pemuda dan Wanita BN akan ke Vietnam pada penghujung tahun ini bagi meningkatkan hubungan baik di antara kedua-dua parti pemerintah.

"Di samping itu, kita akan menghantar rombongan ke Festival Pemuda di Cuba yang akan berlangsung pada Jun ini," katanya.

(END)